

Lunas hutang PTPTN bantu pelajar lain lanjut pelajaran

DALAM proses pembinaan modal insan kelas pertama, sikap tidak mementingkan diri dan bertanggungjawab adalah penting. Sikap sentiasa memikirkan masa hadapan generasi akan datang berupaya membuatkan individu tidak bertindak mementingkan diri sendiri saja.

Sikap tidak mahu membayar hutang pinjaman tentu sekali menjejaskan peluang generasi pelapis untuk melanjutkan pelajaran. Bayaran itu boleh dijadikan modal pusingan untuk generasi pelapis menikmati peluang melanjutkan pelajaran.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengambil tindakan tata tertib terhadap pegawai kerajaan yang dikesan gagal menjelaskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Ismail Adam, berkata tindakan itu boleh diambil kerana sikap tidak bertanggungjawab dan mengingkari perintah juga dianggap salah laku.

Sewajarnya isu ini tidak timbul

jika semua pelajar yang membuat pinjaman pendidikan menyedari tanggungjawab membayar balik pinjaman mereka. Tanggungjawab ini penting dilaksanakan supaya PTPTN dapat mengagihkan pinjaman berkenaan kepada pelajar lain yang memerlukan.

Kewajaran membayar balik pinjaman pendidikan adalah jelas. Mereka yang sudah bekerja tentu berkemampuan membayar balik pinjaman itu.

Berdasarkan maklumat sehingga 15 April lalu, 40,573 peminjam PTPTN didapati sudah bekerja di pelbagai jabatan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Daripada jumlah itu, 30,027 membuat pembayaran dan 359 peminjam diberi pengecualian kerana memperoleh Ijazah Kelas Pertama yang melayakkan pinjaman ditukarkan kepada biasiswa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, berkata kira-kira 10,000 pegawai pelbagai jabatan dan GLC belum membayar balik pinjaman PTPTN kerana yakin boleh mengelak dikenakan tindakan.

Kesedaran dan tanggungjawab membayar balik pinjaman adalah penting, malah tanpa pinjaman PTPTN tentunya mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran dan menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan, GLC dan syarikat.

Dalam usaha kerajaan ingin meningkatkan tahap pendidikan kepada anak bangsa, memberi pinjaman pelajaran adalah salah satu cara terbaik untuk merealisasikan impian pelajar, terutama Melayu.

Cuba bayangkan keadaan di mana seorang pelajar cemerlang dalam peperiksaan tetapi terhambat pengajian kerana masalah kewangan.

Peminjam harus berterima kasih kepada PTPTN dan tidak berdolak-dalik membayar balik pinjaman mereka. Membayar balik hutang adalah kewajipan bagi peminjam.

SAPORA SIPON,
*Fakulti Kepemimpinan
dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia.*